



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“MENGINSAFI FITRAH PENUAAN”

23 Februari 2024 / 13 Syaaban 1445

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْعَمَ عَلَيْنَا بِنِعْمَةِ الْإِيمَانِ وَالْإِسْلَامِ. وَجَعَلَنَا مِنْ أَتْبَاعِ خَيْرِ الْأَنَامِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dimuliakan

Bertakwalah kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya serta mengikhlaskan setiap amal. Semoga dipermudahkan perhitungannya kita di Padang Mahsyar, diberatkan timbangan amal kebaikan serta dilimpahi rahmat Ilahi menjadi penghuni syurga. Mimbar akan memperdengarkan khutbah bertajuk: “MENGINSAFI FITRAH PENUAAN”

Firman Allah SWT, ayat 67 surah Ghafir:

﴿هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ مِنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ يُخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ لِتَبْلُغُوا أَشُدَّكُمْ ثُمَّ لِتَكُونُوا شُيُوخًا وَمِنْكُمْ مَنْ يُوْتَفِّي مِنْ قَبْلُ وَلِتَبْلُغُوا أَجَلًا مُّسَمًّى وَلَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٦٧﴾

Bermaksud: “Dialah yang menciptakan kamu daripada tanah, kemudian daripada (setitis) air benih, kemudian daripada segumpal darah beku, kemudian daripada seketul daging; kemudian Dia mengeluarkan kamu sebagai bayi; kemudian dipelihara kamu (membesar) sehingga dewasa, lalu (dipanjangkan umur) hingga menjadi tua. Dan ada antara kamu yang dimatikan sebelum itu, (Allah melakukan yang demikian) agar kamu sampai kepada masa yang ditentukan (untuk menerima balasan), dan agar kamu berfikir”.

Ayat 67 surah Ghafir yang khatib sampaikan, menunjukkan bahawa manusia secara fitrahnya akan menempuhi pelbagai fasa kehidupan, bermula daripada usia kanak-kanak,

¹ Pujian kepada Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



disusuli usia dewasa, selanjutnya mencapai usia tua. Antara manusia ciptaan Illahi, ada yang tidak berpeluang mengalami usia tua, kerana menemui ajal sewaktu masih muda.

Ketika berusia tua, kesihatan manusia semakin merosot, pendengaran semakin kurang jelas, penglihatan semakin kabur, begitu juga pelbagai nikmat lain termasuk selera makan semakin hilang. Segala putaran hidup ini telah ditetapkan oleh Illahi, menandakan keagungan kekuasaan Allah SWT yang wajib diimani, diinsafi dan diambil pengajaran.

Ummah wajib menyedari bahawa setiap detik yang berlalu sebenarnya semakin mengurangkan baki usianya yang masih ada, malah semakin menghampirkan kita untuk kembali ke Rahmatullah. Tidak ada manusia yang berupaya menetapkan berapa lama tempoh hayatnya, menyebabkan ramai yang lali dan lalai, mensia-siakan usia yang masih berbaki. Oleh itu ummah hendaklah memperingatkan diri agar senantiasa melakukan persiapan untuk menghadapi fitrah penuaan yang pasti berlaku; dan hendaklah sentiasa memanfaatkan usia melakukan amal soleh selaras dengan peringatan Rasulullah SAW:

أَنَّ رَجُلًا قَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ النَّاسِ خَيْرٌ؟ قَالَ: مَنْ طَالَ عُمُرُهُ، وَحَسَنَ عَمَلُهُ، قَالَ: فَأَيُّ
النَّاسِ شَرٌّ؟ قَالَ: مَنْ طَالَ عُمُرُهُ وَسَاءَ عَمَلُهُ

Bermaksud: Seorang lelaki bertanya, siapakah manusia yang paling baik wahai Rasulullah? Baginda SAW menjawab orang yang panjang umurnya dan baik amalnya. Dia bertanya lagi siapakah pula orang yang keji? Baginda menjawab orang yang panjang umurnya tetapi buruk amalnya. (Hadis Riwayat Tirmizi)

Tetamu Allah yang dihormati

Mereka yang melebihi umur 60 tahun, dikenali sebagai warga emas. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, mengunjurkan penduduk warga emas di dunia akan mencecah 2.1 bilion menjelang tahun 2050, manakala Malaysia bakal menjadi sebuah “negara tua” menjelang tahun 2030, apabila 15 peratus daripada penduduk di negara ini berumur 60 tahun ke atas. Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan peratusan penduduk berumur 65 tahun ke atas di negara ini semakin meningkat, daripada 7 peratus pada tahun 2021, ke-7.3 peratus pada tahun 2022. Peningkatan peratus warga emas, dipengaruhi oleh jangka hayat hidup yang lebih panjang, seiring dengan penurunan kadar kelahiran bayi, disebabkan ramai dalam kalangan penduduk pada hari ini memilih



menangguhkan perkahwinan, atau dalam kalangan yang sudah berumah tangga memilih menangguhkan masa untuk mempunyai anak atau memilih untuk tidak mempunyai anak yang ramai.

Keadaan fizikal dan mental yang kian melemah dalam kalangan warga emas menyebabkan mereka menempuhi kesukaran menjalani hidup secara bersendirian pada hari tua; seperti penyakit yang bertambah sedangkan mereka sukar atau tidak mampu untuk mendapat rawatan perubatan dan kemudahan kesihatan, keadaan kewangan yang lemah kerana telah putus sumber pendapatan, di samping tiada simpanan yang cukup untuk membiayai hidup pada hari tua, serta sukar mengubah suai diri dengan alat dan teknologi moden yang semakin canggih. Perubahan iklim, bencana alam, keterjaminan bekalan makanan dan tekanan emosi antara perkara yang turut memberi kesan mempengaruhi kelangsungan hidup warga emas.

Jemaah yang dihormati

Warga emas seharusnya diberikan perhatian, layanan mesra dan kasih sayang. Amat mendukacitakan mengikuti berita-berita media yang melaporkan kes warga emas dihindari, malah ada yang dipukul, didera dan dcederakan. Kebelakangan ini semakin ramai ibu bapa yang meniti usia warga emas, tidak lagi dipedulikan atau dijaga oleh anak-anak. Ibu bapa yang sudah uzur dianggap membebankan dan menyusahkan, lalu sebahagian anak-anak memilih untuk meninggalkan ibu bapa mereka di pusat-pusat kebajikan dan rumah orang tua.

Sedarilah! Menjadi **kewajipan** seorang anak, berbakti kepada ibu bapanya. Anak-anak bertanggungjawab membalas budi ibu bapa. Walau sebesar mana kebaikan anak terhadap ibu bapa, namun masih tidak setimpal dengan pengorbanan dan jasa yang telah ibu bapa lakukan daripada peringkat anak berada dalam kandungan, dilahirkan, dan dibesarkan hingga menjadi insan dewasa. Rasulullah SAW menyifatkan, kehinaan bagi orang yang mengabaikan tanggungjawab terhadap ibu bapa, berpandukan sabda Baginda:

رَغِمَ أَنْفٌ ثُمَّ رَغِمَ أَنْفٌ ثُمَّ رَغِمَ أَنْفٌ قِيلَ مَنْ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ مَنْ أَدْرَكَ أَبَوَيْهِ عِنْدَ الْكِبَرِ
أَحَدَهُمَا أَوْ كِلَيْهِمَا فَلَمْ يَدْخُلِ الْجَنَّةَ

Bermaksud: “Kehinaan, kehinaan, kehinaan.” Baginda ditanya: “Siapakah (yang engkau maksudkan) wahai Rasulullah?” Rasulullah menjawab: “mereka yang mempunyai salah satu atau kedua orang tuanya ketika sudah lanjut usia, namun tidak (menjadikannya sebab) masuk syurga (kerana tidak berbakti).” (Hadis Riwayat Muslim)



Jemaah Rahimakumullah

Mimbar menyenaraikan kesimpulan berikut:

Pertama: Ummah wajib insaf bahawa setiap detik yang berlalu, semakin menghampirkan kita dengan kematian. Oleh itu, perbanyakkan beramal soleh, beristighfar memohon keampunan Ilahi, bermaaf-maafan sesama makhluk, menyempurnakan ibadah-ibadah yang diwajibkan, di samping melakukan ibadah-ibadah yang disunatkan, bersedekah, berpuasa, bertadarus al-Quran, berselawat dan berzikir mengingati Ilahi.

Kedua: Jalani kehidupan yang sihat, pemakanan yang seimbang, beriadah, membaca, menyertai kerja-kerja amal, bermasyarakat, bergaul serta menziarahi sanak saudara dan rakan taulan.

Ketiga: Berkhidmat dan berbakti kepada ibu bapa dan saudara-saudara tua kita selagi hayat mereka dikandung badan dengan ihsan, ikhlas, belas dan rasa kasih sayang.

Keempat: Beringat semasa usia muda untuk menghadapi usia tua dengan melakukan persediaan, memiliki rumah tempat tinggal, serta menabung simpanan untuk bekalan hari tua.

Kelima: Menyelesaikan hutang agar keluarga tidak menanggung beban hutang selepas kematian kita.

Keenam: Melakukan hibah dalam kalangan yang bakal meninggalkan harta supaya ahli keluarga tidak mewarisi masalah pembahagian harta pusaka.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ
أَهْلَهَا وَأَنْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَائِكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!, berkatilah usia kami dengan kesihatan yang baik. Limpahi kami rahmat dan bimbingan Mu untuk kami sentiasa melakukan amal kebaikan. Tamatkan hidup kami dengan kesudahan yang baik, dan jauhi kami dari kesudahan hidup yang tidak baik.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ،
وَأَشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَأَسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ
مَا تَصْنَعُونَ﴾.